

04/04/1998

Semua ketua kekal

KUALA TERENGGANU, Jumaat - Semua ketua bahagian Umno di negeri ini mengekalkan jawatan masing-masing, termasuk di Dungun walaupun pada peringkat awal ketuanya, Datuk Syed Omar Mohamad, dijangka tumpas di tangan lawan tradisi, Awang Jabar.

Perebutan semua jawatan dalam bahagian yang tamat pada 28 Mac lalu juga menyaksikan lapan ahli Exco negeri yang bertanding ketua, timbalan dan naib ketua, mengekal jawatan masing-masing.

Hanya empat ketua bahagian iaitu Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad bagi bahagian Kemaman, Datuk Abdul Rashid Ngah (Kuala Nerus), Datuk Dr Tengku Mahmud Mansur (Setiu) dan Datuk Dr Mohd Yusof Nor (Besut), tidak perlu bersusah payah untuk mempertahankan jawatan.

Ini kerana masing-masing tidak dicabar disebabkan ahli Umno di bahagian berkenaan akur dengan hasrat Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya Ahli Majlis Tertinggi Umno tidak dicabar dan nasihat Wan Mokhtar selaku Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, supaya ahli Exco tidak dicabar.

Perebutan jawatan paling sengit berlaku di Dungun yang berakhir dengan ketua bahagian itu yang juga ahli Exco negeri, Datuk Syed Omar Mohamad, menang 10 undi daripada Awang untuk terus menerajui bahagian berkenaan.

Selain itu, pengumuman Ketua Pemuda Umno negeri, Ahmad Said, untuk mencabar timbalan Wan Mokhtar, Datuk Abu Bakar Ali di Kemaman, membuka ruang untuk berspekulasi mengenai kesepaduan dalam Umno bahagian itu. Bagaimanapun, pada saat akhir Ahmad mengubah fikiran dan hanya bertanding naib ketua.

Bagaimanapun, hasrat Wan Mokhtar untuk mengelakkan pertandingan, terutama membabitkan ahli Exconya tidak kesampaian apabila hampir semua ahli Exco yang bertanding dicabar, termasuk daripada kalangan ahli Exco sendiri.

Ketua bahagian Hulu Terengganu yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan Awam negeri, Tengku Putera Tengku Awang, dicabar oleh bekas exco, Datuk Ahmad Sidi Ismail; Exco Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan, Datuk Aziz @ Ibrahim Awang dicabar Senator Rosli Mat Hassan, manakala Exco Sains Teknologi, Sumber Manusia dan Pengajian Tinggi, Datuk Dr Abdul Latif Awang dicabar Zarawi Sulong.

Syed Omar tidak dapat lari daripada cabaran Awang yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Bukit Besi kerana ia sudah menjadi `seteru tradisi'. Hanya Ahmad Said, satu-satunya Exco Terengganu yang mencabar sedangkan ahli Exco lain dicabar.

Di bahagian lain, terutama Kuala Nerus sudah dapat dijangka tidak berlaku pertandingan kerana kepimpinan sedia ada `ditakuti' dan sedikit sebanyak keadaan ini mula menjangkiti bahagian Setiu.

Namun, suasana di Setiu yang digembar-gemburkan aman sebenarnya tidak lebih ibarat `api dalam sekam' kerana ramai ahli yang memendam perasaan berikutan dakwaan arahan tidak rasmi dari `atas'.

Soal menang tanpa bertanding Mohd Lokman Muda masih menjadi perbincangan, selain kekalahan ketua wanita, Wan Maznah Wan Nong kepada Khalijah Awang dan beberapa ahli jawatankuasa lain yang disifatkan percubaan untuk menghakis pengaruh seseorang di bahagian itu.

Namun, dalam pada semua pihak akur dengan keputusan perwakilan, ramai masih tertanya-tanya apa yang sebenarnya berlaku sehingga Mohd Jidin Shafee mengumumkan hasrat menentang Dr Abdul Wahab Ngah bagi jawatan naib

ketua di saat akhir.

Kemunculan muka baru seperti Che Ghani Ambak (Umno cawangan Batu Rakit) dan mendapat undi ketiga terbanyak dalam pemilihan jawatankuasa bahagian juga mula memperlihatkan arus perubahan akan berlaku dalam percaturan politik di Setiu.

Di Besut, barisan kepemimpinan utama sudah dikompromi sejak awal. Namun, paling menarik, banyak ahli korporat yang cuba merebut jawatan di peringkat jawatankuasa bahagian ditolak perwakilan, sebaliknya kelompok berlatar belakang agama mudah diberikan tempat.

"Politik wang tidak ada tempat di Besut," kata seorang pemerhati politik tempatan yang mahu kelompok agama ini ditonjolkan semula bagi menangkis sikap gelojoh segelintir pemimpin di bahagian itu sebelum ini yang lebih mementingkan diri.

Usaha segelintir pihak di Kuala Terengganu untuk mengurangkan politik keluarga di antara Datuk Abu Bakar Daud dan Roslan Awang Chik ditolak mentah-mentah oleh perwakilan kerana soal keluarga tidak menjejaskan sumbangan kedua-dua mereka kepada Umno bahagian ini.

Hakikatnya, kedua-dua pemimpin politik memberi perhatian kepada pembangunan di kawasan masing-masing dan mampu menabur khidmat bakti dengan baik kepada masyarakat.

(END)